



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

JUN

SELAMAT 2025



www.maqis.gov.my



maqismalaysia



3 Jun 2025 | Putrajaya

Ops Korban Mega Bersepadu 2025 telah dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di bawah naungan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA).



10 Jun 2025 | Batu Maung

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Fasilitasi Perdagangan (JKTFP) Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Pulau Pinang bersama pihak industri di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Bilangan 1 Tahun 2025





11 Jun 2025 | Kuantan, Pahang

Kunjungan Hormat Pengarah MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu ke atas Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pahang. Sepanjang pertemuan tersebut, kedua-dua pihak sempat membincangkan isu keselamatan, isu ruang pejabat, serta kolaborasi yang akan diadakan bersama pada masa akan datang.



12 Jun 2025 | Tumpat, Kelantan

Karnival PDRM IPD Tumpat ini dianjurkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), bertujuan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan awam dan memperkukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan serta masyarakat



12 Jun 2025 | Jeli, Kelantan

Karnival Jelajah Alam Universiti Malaysia Kelantan, di mana penglibatan ini dapat memperkukuhkan pemahaman masyarakat dan pelajar mengenai kepentingan kawalan serta pemeriksaan dalam memastikan keselamatan dan kualiti produk di pasaran.



15 Jun 2025 | Lumut, Perak

Majlis Perasmian Penutupan Program MADANI Rakyat Perak 2025 telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir ialah Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan



16 Jun 2025 | Ulu Kinta, Perak

Kunjungan hormat Pengarah MAQIS Negeri Perak, Tuan Pauld bin Johnny, telah diadakan kepada Yang Dihormati SAC Shahrudin bin Hashim, Komander Briged Utara PGA, di Batalion 1, Ulu Kinta, Perak.



17 Jun 2025 | Selama, Perak

Lawatan rasmi MAQIS Negeri Perak bersama Lumut Maritime Terminal (Lumut Port) ke Ladang Holstein Selama Dairy.



18 Jun 2025 | Stesen Kuarantin Haiwan KLIA

Stesen Kuarantin Haiwan (SKH) KLIA telah menerima lawatan kerja daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai yang terlibat mengenai pengurusan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak MAQIS.



24 Jun 2025 | Wilayah Persekutuan Labuan

Mesyuarat Penutupan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan merupakan susulan pelaksanaan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan pada 3 hingga 6 Jun 2025, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 138 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Bil. 9 Tahun 2014.



24 Jun 2025 | KLIA, Selangor

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Fasilitasi Perdagangan (JKTFP) MAQIS Negeri Selangor bersama pihak industri Bil. 1 Tahun 2025 telah dilaksanakan di bilik mesyuarat FAMA KLIA.



25 Jun 2025 | Putrajaya

Pesta Sukan MAQIS 2025 yang melibatkan seluruh warga MAQIS dianjurkan untuk menyemarakkan semangat kesukanan dan mengukuhkan ikatan persahabatan.



29 Jun 2025 | Johor Bahru, Johor

MAQIS Johor berjaya menganjurkan Kejohanan Badminton 2025 yang berlangsung di Kompleks Belia dan Sukan Johor Bahru.



30 Jun 2025 | Shah Alam, Selangor

Pengarah MAQIS Negeri Selangor, Tuan Abdul Muhyi bin Mohamad Hatta telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat JPJ Negeri Selangor, di mana beliau disambut mesra oleh Ketua Bahagian Kanan JPJ Selangor, Tuan Mohd Zuhaidy bin A. Rahman.



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR

MOHAMMAD FADZLI BIN MOHD NAIM

Unit Komunikasi Korporat (UKK) MAQIS

EDITOR

FARAH AISYAH BINTI ZAINUDIN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) MAQIS Negeri Kelantan